

TAHAP KEPUASAN IBU BAPA TERHADAP PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA) DI KAFA MASJID KUIPSAS

Norfadelah Nordin
Wan Nur Ainna Waheda Rozali
Nurulafzan Sa'ari
Syazwani Husin

ABSTRAK

Kepuasan pengguna menjadi satu perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak pengurusan sebagai simbol kepada kualiti atau keberkesanan sistem pengurusannya. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di KAFA Masjid KUIPSAS. Tahap kepuasan ibu bapa adalah meliputi aspek pengurusan, yuran pengajian, persekitaran dan ruang, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru dan kemenjadian murid. Seramai 70 orang sampel dipilih menggunakan persampelan tidak rawak bertujuan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan deskriptif. Kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik. Penganalisan data adalah menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Analisis statistik deskriptif dijalankan untuk melihat min pengurusan, yuran pengajian, persekitaran dan ruang, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru serta kemenjadian murid. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS (Min=4.20), yuran pengajian KAFA (Min=4.73), persekitaran dan ruang KAFA (Min=4.12), kemudahan dan kelengkapan KAFA (Min=4.29), kualiti guru KAFA (Min=4.11) dan kemenjadian murid KAFA (Min=4.35). Kesimpulan daripada kajian menunjukkan bahawa ibu bapa berpuas hati dengan pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS (Min= 4.30). Kajian ini mencadangkan agar pihak berkenaan perlu mengambil langkah yang lebih proaktif dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan KAFA.

Kata kunci: Tahap Kepuasan, Pengurusan, Murid, Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

PENDAHULUAN

Sesebuah institusi pendidikan terdiri daripada kumpulan manusia yang berinteraksi melalui satu proses berstruktur untuk mencapai matlamat tertentu (Zaidatol, 2001). Interaksi yang baik dan berkesan dalam kalangan warga institusi pendidikan dengan masyarakat sekeliling amat diperlukan bagi menjamin kualiti produknya. Penglibatan pentadbir, ibu bapa dan guru-guru yang proaktif sangat membantu dalam penentuan kemenjadian murid serta keberkesanan sistem pengurusan dan pentadbiran sesebuah institusi. Penghasilan modal insan yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek merupakan matlamat utama dalam sistem pendidikan di seluruh dunia. Malaysia juga negara yang tidak terkecuali untuk mencapai tujuan pendidikan tersebut. Ia bukan hanya sekadar matlamat pendidikan negara semata, malah menjadi harapan bagi setiap ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Justeru, sekolah telah dianggap sebagai landasan pembentukan jati diri anak-anak dan bagi ibu bapa Muslim pula, Pendidikan Islam merupakan acuan penting dalam membina keperibadian dan sahsiah seseorang individu.

Untuk mencapai hasrat tersebut, kerajaan telah memperkenalkan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang merupakan salah satu kaedah penyampaian pendidikan Islam yang telah diterapkan secara formal. KAFA sebenarnya merupakan suatu usaha yang berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar ke arah memperkembangkan fitrah individu (insan) selaras dengan al-Quran dan al-Sunnah. Matlamat Pendidikan Islam KAFA adalah untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta seterusnya akan dapat melahirkan insan yang bertakwa (Ruzaimah, 2017). Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan dalam usaha memberi pendidikan Islam yang kukuh dalam kalangan murid seawal usia. Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) adalah suatu program yang berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberikan penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain (JAKIM, 2015).

Pengurusan dan pentadbiran dalam sesebuah institusi pendidikan perlu dititik beratkan bagi mendapatkan impak positif dalam proses penyampaian ilmu. Di Malaysia, terdapat banyak kajian telah dijalankan dan menunjukkan bahawa pengurusan seperti kepimpinan guru-guru merupakan pengaruh utama dalam menentukan kualiti dan pencapaian akademik pelajar. Menurut Muhammad Fuad et. al. (2015) menjelaskan bahawa pendidikan pada era revolusi industry 4.0 memperlihatkan permintaan tinggi terhadap kualiti pengurusan dan guru bertaraf antarabangsa sejajar dengan standard yang ditetapkan oleh negara. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), tahap kepuasan ibu bapa terhadap yuran pengajian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), tahap kepuasan ibu bapa terhadap persekitaran dan ruang Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), tahap kepuasan ibu bapa terhadap kemudahan dan kelengkapan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), tahap kepuasan ibu bapa terhadap kualiti guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), tahap kepuasan ibu bapa terhadap kemenjadian murid Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

Hasil kajian akan dibentangkan kepada pihak Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) sebagai medium kepada penubuhan pasukan penyelidik dalam kalangan warga kerja pendidik KAFA Daerah Kuantan. Di Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan, di bawah Bahagian Pendidikan, terdapat Unit Pengurusan KAFA yang menguruskan sistem pendidikan Islam ini. Maka hasil kajian ini akan membantu pihak berkenaan dalam mengemaskini pengurusan secara menyeluruh bagi meningkatkan kualiti KAFA di Kuantan.

PERNYATAAN MASALAH

Peningkatan peruntukan belanjawan sebanyak RM1.2 bilion berbanding RM1.1 bilion tahun lalu dalam meningkatkan syiar Islam membuktikan bahawa kerajaan sangat komited terhadap aspek pendidikan Islam. Peruntukan tersebut dilihat sebagai satu usaha penambahbaikan kualiti pengurusan dan pentadbiran Pendidikan Islam bagi memenuhi keperluan dan kepuasan murid dan ibu bapa. Kepuasan ibu bapa merupakan pembolehubah kepada sistem pengurusan dan pentadbiran bagi menggambarkan kualiti dan keberkesanan sesebuah institusi pendidikan. Walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar untuk pembangunan institusi pendidikan Islam, namun kajian lepas oleh Ruzaimah et al. (2017) mendapati antara permasalahan dalam pelaksanaan program KAFA meliputi aspek pengurusan, penyeliaan kelas yang tidak sistematik, ketiadaan bilik operasi yang khusus, masalah pengajaran, masalah disiplin murid dan penerimaan elaun KAFA yang tidak mencukupi. Azizi et al. (2013) juga mengkaji masalah yang sama berkaitan pengurusan dan keperluan Sekolah Agama Rakyat (SAR) / Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (Kafa) Persendirian Di Selangor dan mendakwa bahawa banyak lagi kajian yang perlu diterokai seperti pandangan ibu bapa, pandangan lembaga tadbir sekolah dan guru-guru lain yang mempunyai pelbagai latar belakang. Berdasarkan permasalahan dan kekangan yang berlaku di KAFA ini akan mempengaruhi tahap kepuasan ibu bapa dalam pengurusan pendidikan kelas KAFA.

Azizi Umar et al. (2016) pula menyatakan dalam kajian mereka bahawa masalah pengurusan dan keperluan di SAR/KAFA adalah merangkumi definisi sekolah yang berbeza, masalah asas penubuhan, kemudahan infrastruktur dan lokasi, pengurusan sekolah, pengurusan sumber manusia, dan pengurusan kurikulum. Oleh yang demikian, kajian tersebut mencadangkan kajian lanjutan yang lebih mendalam dalam memahami masalah dan keperluan yang perlu diperbaiki pada masa akan datang. Selain itu, terdapat masalah yang melibatkan KAFA di Malaysia iaitu pandangan masyarakat di negara kita yang merasakan bahawa kelas KAFA tidak penting malah sering menganggap KAFA ini adalah satu pendidikan yang boleh menjadi pilihan kepada ibu bapa dalam menghantar anak mereka mendalami ilmu Al-Quran dan fardhu ain (Azizi Umar et. al 2016). Justeru, sebilangan ibu bapa atau penjaga mengambil lewa terhadap kehadiran anak-anak ke KAFA dan merasakan keputusan peperiksaan tahunan yang dilaksanakan di KAFA adalah tidak penting. Sikap ibu bapa ini akan mengurangkan minat murid itu sendiri untuk belajar dan mereka merasakan pendidikan KAFA hanya sebagai mengisi masa petang sahaja. Oleh itu, pihak pengurusan KAFA perlu memainkan peranan penting terutama dalam memastikan KAFA menjadi satu tarikan sebagai pendidikan yang penting oleh ibu bapa menerusi pengurusan, kualiti guru, persekitaran dan kemudahan yang disediakan.

Seterusnya, kajian oleh Don et al. (2015) mendapati bahawa kebergantungan terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan adalah melalui peranan guru dalam proses pengajaran dan semasa berhubung dengan murid adalah sangat dititikberatkan di mana guru merupakan seseorang individu yang menjadi tonggak utama dalam sesebuah institusi pendidikan. Dapatan kajian oleh Awang et al. (2016) menunjukkan bahawa keperluan dalam mewujudkan suasana pembelajaran berkesan merupakan satu cabaran dalam profesion guru masa kini. Oleh itu, pihak pengurusan perlulah berganding bahu dengan para guru dalam memastikan kualiti guru, persekitaran, ruang, kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan kepada murid adalah bersesuaian dengan keperluan mereka. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengenal pasti penilaian ibu bapa menerusi tahap kepuasan mereka terhadap pengurusan KAFA di KAFA Masjid KUIPSAS dalam memahami masalah dan keperluan di sesebuah KAFA. Maklumat tahap kepuasan ibu bapa atau penjaga ini sangat penting dalam menentukan kualiti sesebuah institusi pendidikan memandangkan kerajaan telah membelanjakan jumlah wang besar terhadapnya.

KAJIAN LITERATUR

Tahap kepuasan pelanggan dalam sesuatu perkhidmatan adalah antara aspek penting dalam memastikan kesetiaan pengguna terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan yang disediakan. Kajian Aymar & Joseph (2019) telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara tahap kepuasan pelanggan terhadap servis yang diberikan oleh restoran McDonald dengan kesetiaan pelanggan memesan makanan di restoran tersebut. Selain itu, kajian Aisyah (2018) terhadap kualiti servis yang diberikan oleh pihak perbankan syariah dan implikasinya kepada pengguna Indonesia telah mencadangkan beberapa penambahbaikan servis yang diberikan termasuklah pembinaan struktur bangunan yang lebih moden dengan kelengkapan peralatan yang lebih terkini. Penambahbaikan yang dilakukan akan meningkatkan tahap kepuasan pengguna terhadap pengurusan bank.

Kajian Sezer & Can (2018) mendapati bahawa sekolah yang memiliki pengurusan sekolah yang baik menjamin kesejahteraan anak-anak untuk belajar. Kajian Ling et al. (2019) menerangkan tentang layanan mesra yang diberikan oleh pihak tadika kepada komuniti adalah antara faktor ibu bapa berpuas hati dengan tadika tersebut. Selain itu, kajian oleh Hanif et al. (2020) turut menerangkan bahawa ibu bapa sangat bersetuju jika guru di tadika menitik beratkan isu-isu seperti persekitaran kelas, pengurusan perancangan aktiviti, pengurusan tingkah laku kanak-kanak dan pengurusan interaksi dan hubungan di tadika. Bagi kajian pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) pula, menurut kajian Nor Raudah Hj Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Binti Abdul Jalil & Azrin Ab Majid (2018) menyatakan perbezaan pengurusan yang mempengaruhi struktur sekolah agama rakyat berkenaan. Kajian ini juga mendapati SAR merupakan institusi pendidikan yang berasaskan kurikulum dinniyah yang diuruskan sepenuhnya oleh Jemaah Pengelola Sekolah dan ia bersifat persendirian atau swasta. Struktur pengurusan SAR pula berbeza mengikut negeri, ada yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, badan-badan NGO dan Yayasan Islam Negeri. Keseragaman pengurusan amat penting malah bantuan dari Kerajaan Persekutuan dari sudut kewangan amat diperlukan.

Seterusnya kajian ini dibuat di Kariah Masjid Kampung Pandan Satu, Kuantan oleh Abdul Halim Taib dan Hasnadi Hassan (2019) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi "Tahap Keyakinan Penjaga Terhadap Aktiviti Pembelajaran `SAR-KAFA`. Kajian mendapati bahawa tahap keyakinan penjaga dan tahap kerjasama penjaga berada pada tahap tinggi. Walaubagaimanapun didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keyakinan dan tahap kerjasama penjaga dengan faktor demografi keluarga pelajar. Kegagalan membaca al-Quran dengan baik dan sempurna membawa kesan yang negatif dan

berkekalan terhadap individu Islam, manakala kajian oleh Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Mohd Abdul Nasir Abd Latif, Muhammad Hasbi Abdul Rahman (2018) berkaitan tahap kepuasan penggunaan pembangunan *Koswer* dari Model *ADDIE* dalam visualisasi Maklumat Berkomputer Dalam Memperkasakan Pengajaran Kelas Agama Dan Fardhu Ain (KAFA).

Kajian lepas oleh Bani Hidayat dan Nor Hayati (2018) menyatakan tahap guru KAFA dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pada tahap sederhana dari segi strategi, bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran guru, aspek pedagogi, tahap profesionalisme guru KAFA, latihan guru dan modul-modul latihan pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, guru KAFA perlu memastikan amalan pengajaran dan pembelajaran dipertingkatkan bagi menjamin keberkesanan pengajaran kepada pelajar. Malah Muhammad Fuad et al. (2017) turut menyatakan bahawa tahap kepuasan bekerja oleh guru akan membantu ibu bapa dalam menunjukkan kepuasan mereka terhadap pengurusan sesebuah institusi malah kecemerlangan institusi pendidikan seperti KAFA juga turut bergantung kepada kepuasan bekerja.

Menurut Ahmad dan Mansor (2013), antara tugas guru KAFA ialah menjadi suri teladan atau qudwah hasanah kepada masyarakat terutamanya murid samada secara formal atau tidak formal. Oleh itu, sebagai seorang guru KAFA, perlulah mempunyai kualiti yang tersendiri agar dapat merealisasikan kehendak Falsafah Pendidikan Islam serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji Mohd Nor et al. (2021) menerusi kajiannya terhadap amalan pengajaran guru KAFA mendapati guru KAFA perlu meningkatkan kemahiran mereka dalam ilmu metodologi dalam memastikan keberkesanan penyampaian sesuatu kemahiran.

Seterusnya, Hafizul Rasdi et al. (2016) mendapati dalam kajian mereka bahawa terdapat tiga faktor utama yang menentukan kekuatan pendidikan KAFA di bahagian Betong iaitu peranan yang dimainkan oleh pihak JAIS Betong, pihak pentadbir dan pelaksana iaitu guru KAFA itu sendiri. Pengkaji ini turut menyatakan bahawa kekuatan program pendidikan bergantung kepada pengurusan yang sistematik, kemudahan yang mencukupi dan kerjasama dari pelbagai pihak. Hasil kajian lepas oleh Hafizul Rasdi et al. (2017) juga mendapati bahawa pihak JAIS Betong kurang turun padang bagi memberikan kursus dan bengkel, kurang kerjasama dengan agensi Islam, dan guru KAFA tidak mengambil inisiatif sendiri dalam mengatasi kelemahan tersebut. Saranan daripada kajian ini adalah peruntukan dari pihak kerajaan bagi menjalankan program untuk guru-guru KAFA dan kesediaan bahan bantu mengajar yang lengkap di setiap sekolah. Dapatan kajian Salleh et al. (2021) yang melibatkan KAFA di Selangor mendapati bahawa terdapat beberapa kelompongan dalam pendidikan KAFA iaitu dari segi kekurangan latihan atau bengkel kepada guru KAFA terutamanya dalam subjek yang diajar kepada murid, keperluan latihan untuk mengajar murid kurang upaya dan bengkel pedagogi kepada guru KAFA baru. Selain itu, kajian ini juga mendapati bajet pengoperasian KAFA adalah tidak mencukupi dan ini menyebabkan kekurangan bahan mengajar seperti buku, peralatan seperti kelengkapan kelas dan infrastruktur yang sepatutnya disediakan.

KERANGKA TEORETIKAL KAJIAN


Model Total Quality Management

Model yang digunakan oleh pengkaji dalam konteks kajian ini adalah Model Pengurusan Menyeluruh atau *Total Quality Management* diperkenalkan pada tahun 1980-an oleh Das et al. (2008) dan digunakan secara meluas dan amat sesuai dengan konteks kajian ini. Pada awal tahun 1990-an, Kementerian Pendidikan di Malaysia telah mengumumkan untuk menjadikan TQM sebagai teras pengurusan pendidikan di semua peringkat.

Antara andaian Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) ialah:


- Pengurusan ke arah mewujudkan timbulnya amalan pengurusan melalui proses dan bukan hanya untuk mementingkan produk.
- Keberkesanan pengurusan berlaku dan menghasilkan rasa puas hati. Kepuasan pengguna inilah yang menentukan kualiti sesebuah organisasi.

Model TQM ini memandu pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Suhana et al. (2015) yang menyatakan bahawa usaha bagi memenuhi keperluan pengurusan sekolah serta guru-guru merupakan satu agenda yang berterusan di semua peringkat pendidikan dalam negara sama ada di peringkat pusat atau negeri. Model ini menjelaskan bahawa pengurusan yang berkesan sangat mempengaruhi matlamat seperti yang dianjurkan Model TQM iaitu memenuhi kepuasan hati pelanggan/ ibu bapa. Dalam konteks kajian ini, model ini akan berupaya meramal tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS. Kajian lepas telah membuktikan bahawa, factor-faktor yang terdapat dalam kajian-kajian tersebut masih belum dapat menjelaskan sepenuhnya fenomena yang dikaji. Sebagai contoh Norizan et al. (2017) hanya berjaya menerangkan 60% berkaitan tentang pengurusan yang melibatkan penggunaan model TQM sahaja. Ini bermaksud terdapat kekurangan pembolehubah yang masih boleh diterangkan dalam konteks kajian ini. Oleh yang demikian pengkaji merasakan bahawa model ini amat sesuai digunakan dalam konteks kajian ini.



Rajah 1.0: Model *Total Quality Management* oleh Robiah (2003)

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 2.0: Kerangka Konseptual Kajian Diadaptasi daripada Model *Total Quality Management*

Merujuk kepada rajah di atas, kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan, yuran pengajian, persekitaran dan ruang, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru dan kemenjadian murid KAFA di KAFA Masjid KUIPSAS.

METODOLOGI KAJIAN

Jenis penyelidikan ini adalah penyelidikan asas. Kaedah penyelidikan yang dipilih untuk kajian ini adalah kaedah kuantitatif yang berbentuk bukan eksperimen dan reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan deskriptif bagi mendapatkan data yang dapat memberi jawapan kepada persoalan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, kajian tinjauan deskriptif dipilih kerana reka bentuk ini sesuai untuk kajian bagi mencari tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan kelas KAFA. Selain itu, pengkaji mendapati penyelidikan ini sesuai kerana kebanyakan kajian tinjauan memperihalkan insiden, kekerapan dan taburan ciri-ciri sesuatu populasi yang telah dikenal pasti dengan menggunakan kategori deskriptif (Noraini, 2013).

Alat penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah soal selidik bagi mencungkil maklumat daripada responden (ibu bapa/ penjaga). Dalam borang soal selidik, pengkaji memaklumkan responden tujuan penyelidikan, peranan responden terhadap soal selidik termasuk untuk mengekalkan kerahsiaan. Sulaiman (2018) menyebut bahawa pemakluman ini adalah bertujuan untuk meyakinkan responden (ibu bapa/ penjaga) bahawa kajian tidak membahayakan sesiapa melainkan memberi manfaat kepada responden dan institusi KAFA. Pembinaan instrumen adalah adaptasi daripada Instrumen Pengurusan KAFA oleh JAKIM (2016) dan soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi data demografi responden yang mengandungi 4 item utama. Pada bahagian ini, responden dikehendaki menandakan pada ruangan yang disediakan iaitu jantina, umur, pendapatan dan tahap pendidikan. Bahagian B pula terdiri daripada 27 item berkenaan pengurusan KAFA. Item ini menggunakan skala likert 5 mata iaitu:

Skala	Tahap
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Neutral
4	Setuju
5	Sangat setuju

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS. Berdasarkan situasi pandemik Covid 19 yang memerlukan penjarakan sosial serta mengelak daripada berjumpa dengan ramai orang, maka pengkaji memutuskan untuk melakukan soal selidik ini secara atas talian. Soal selidik ini akan dimuat naik dengan menggunakan aplikasi *Google Form* agar mudah untuk dicapai oleh ibu bapa dan pada masa mengelakkan berlakunya kontak secara beramai-ramai.

Bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini, pengkaji telah menjalankan satu kajian rintis dengan menggunakan ciri-ciri sampel yang hampir sama dengan sampel sebenar. Nilai alpha Cronbach yang diperoleh ialah .977. Seterusnya, persampelan pula merupakan satu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu penyelidikan daripada suatu kumpulan individu yang akan mewakili kumpulan besar yang dipilih (Noraini, 2013). Tujuan persampelan adalah untuk memperoleh maklumat tentang suatu populasi dan matlamat persampelan adalah untuk mendapatkan sampel yang boleh mewakili populasi yang menjadi pilihan pengkaji. Dalam penyelidikan pendidikan, populasi adalah kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang diinginkan oleh pengkaji untuk membuat generalisasi melalui dapatannya dan sampel adalah kumpulan yang akan menjadi sumber informasi yang diperlukan dalam kajian (Noraini, 2013). Populasi sasaran pengkaji dalam kajian ini adalah ibu bapa yang menghantar anak ke kelas KAFA di KAFA Masjid KUIPSAS. Populasi kajian adalah melibatkan 83 orang ibu bapa.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih persampelan tidak rawak bertujuan iaitu pemilihan responden dibuat berdasarkan pengetahuan dan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik dan menepati tujuan khusus penyelidikan ini. Ciri-cirinya adalah sampel adalah ibu bapa kepada murid yang menyertai kelas KAFA di KAFA Masjid KUIPSAS sehingga September 2021. Bagi kajian ini, penentuan saiz sampel kajian adalah berdasarkan formula yang dikemukakan oleh Morgan dan Krejcie (1970). Dalam kajian ini, jumlah ibu bapa adalah seramai 83 orang. Berdasarkan jumlah sampel dan pengkaji menggunakan jadual Morgan dan Krejcie maka sampel kajian yang melibatkan 70 orang ibu bapa.

Lokasi kajian ini dijalankan adalah di KAFA Masjid KUIPSAS, Pahang. KAFA Masjid KUIPSAS merupakan sebuah institusi pendidikan Islam yang terletak di KM 8, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang. Pada asalnya pengurusan KAFA ini adalah di bawah kendalian pihak Anjung KUIPSAS Sdn. Bhd. bermula Januari 2013 sehingga Disember 2017. Kemudian, pihak Masjid KUIPSAS telah bersepakat untuk mengambilalih operasi dan telah membuat permohonan pendaftaran Kelas al-Quran Kanak-kanak pada Disember 2017 di bawah nama KAFA Masjid KUIPSAS. Pengambilan murid hanya terhad kepada yang berumur 7 sehingga 11 tahun sahaja. Dengan jumlah murid seramai 42 orang nisbah kepada 2 orang guru lantikan JAIP, KAFA Masjid KUIPSAS beroperasi penuh pada 2 Januari 2018 di Bilik Kuliah Masjid KUIPSAS. Sesi pembelajaran berjalan selama 5

hari seminggu. Pada 27 Ogos 2018, KAFA Masjid KUIPSAS telah mendapat kelulusan sementara bagi menjalankan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain ini. Sehingga September 2019, jumlah murid telah bertambah kepada seramai 83 orang.

Kajian ini mengambil masa lebih kurang enam bulan untuk proses pengumpulan data dari kesemua sampel kajian yang telah dikenal pasti. Proses pengumpulan data ini bergantung kepada kos masa serta kesanggupan ibu bapa untuk terlibat. Kajian ini hanya memfokuskan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS yang berkaitan dengan pihak pengurusan, yuran pengajian, persekitaran ruang KAFA, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru serta kemenjadian murid. Sampel kajian hanya diambil daripada populasi ibu bapa yang mendaftarkan anak di KAFA Masjid KUIPSAS sahaja. Bilangan sampel sebenar dalam kajian ini adalah 70 orang walaubagaimanapun kadar maklum balas sampel yang diterima oleh pengkaji selepas diedarkan soal selidik adalah rendah iaitu 48 orang sahaja kerana terdapat kekangan kerana berlakunya penularan pandemik Covid-19 dan ini menyukarkan pengkaji bersemuka secara fizikal untuk mengedar dan mendapatkan semula soal selidik daripada ibu bapa. Borang soal selidik diberikan kepada responden (ibu bapa) untuk dijawab berdasarkan apa yang dilihat dan dialami sepanjang berurusan dengan pihak pengurusan di KAFA Masjid KUIPSAS selain dari menghantar anak ke sana. Sebelum mengisi borang ini, responden telah diberi maklumat oleh pengkaji pada bahagian awal borang soal selidik di mana responden perlu jujur dalam mengisi maklumat. Semua borang soal selidik yang diterima akan dianalisa dan dijadikan data pengkaji. Kesemua data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Bagi mengetahui tahap kepuasan terhadap pengurusan kelas KAFA Masjid KUIPSAS maka pengkaji akan melakukan pengiraan berdasarkan skor yang diperolehi dan menggunakan statistik deskriptif dengan melihat min keseluruhan bagi pengurusan. Hal ini akan membantu pengkaji mendapatkan tahap kepuasan sebenar responden terhadap pengurusan KAFA.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi

Maklumat demografi ibu bapa yang dianalisis adalah jantina, umur, pendapatan dan tahap pendidikan. Hasil penganalisan maklumat demografi ibu bapa adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1.0: Analisis Demografi Ibu Bapa

Kategori demografi	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	16	33.3%
Perempuan	32	66.7%
Umur		
30 tahun ke bawah		
31 tahun – 40 tahun	23	47.9%
41 tahun – 50 tahun	22	45.8%
51 tahun ke atas	3	6.3%
Pendapatan		
Kurang RM1000	1	2.1%
RM1000-RM3000	13	27.1%
RM3000-RM6000	18	37.5%
RM6000 ke atas		
Tahap Pendidikan		
Sekolah Rendah	1	2.1%
Sekolah Menengah	11	22.9%
Institusi Pengajian Tinggi	36	75.0%

Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada 48 orang ibu bapa yang terlibat dalam kajian ini, bilangan responden lelaki yang terlibat ialah seramai 16 orang (33.3%) dan responden perempuan ialah seramai 32 orang (66.7%). Pada peringkat umur ibu bapa, seramai 23 orang ibu bapa berumur 31 hingga 40 tahun, 22 orang ibu bapa berumur 41 hingga 50 tahun dan hanya 3 orang ibu bapa yang berumur 51 tahun keatas yang menjawab soal selidik ini. Berdasarkan jadual di atas juga dapat diketahui bahawa ibu bapa dengan pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,000 ke atas merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 18 orang (37.5%), diikuti dengan pendapatan bulanan dalam lingkungan RM3,000 hingga RM6,000 iaitu seramai 16 orang (33.3%), RM1,000 hingga RM3,000 seramai 13 orang (27.1%), dan hanya seorang (2.1%) ibu bapa mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM1,000. Bagi peringkat tahap pendidikan ibu bapa pula, jadual menunjukkan bahawa ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan institut pengajian tinggi merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 36 orang (75%), diikuti dengan sekolah menengah seramai 11 orang (22.9%) dan ibu bapa yang memiliki tahap pendidikan sekolah rendah hanya seorang (2.1%).

i) Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS

Kajian ini mengkaji tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS yang berkaitan dengan pihak pengurusan, yuran pengajian, persekitaran ruang KAFA, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru serta kemenjadian murid.

Untuk mengenal pasti tahap kepuasan ibu bapa, skor min serta sisihan piawai dikira dan jika nilai skor min yang diperolehi adalah tinggi maka semakin tinggi tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS.

Jadual 1.0: Analisis Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS

Item	Pernyataan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1	Pihak KAFA menyediakan takwim lengkap untuk makluman ibu bapa	4.29	.651
2	Pihak KAFA menyediakan visi, misi dan carta organisasi yang lengkap untuk makluman ibu bapa	3.81	.982
4	Pihak pengurusan sekolah menjaga kebajikan dan keselamatan murid semasa di sekolah	4.37	.606
5	Saya mudah berurusan dengan guru dan pentadbir sekolah	4.54	.582
6	Maklumat peribadi murid dan waris/ penjaga direkod (diisi sebelum/ semasa pendaftaran)	4.48	.545
7	Maklumat peribadi murid dan waris/ penjaga disimpan dengan selamat	4.35	.601
12	Pihak sekolah mengadakan mesyuarat Persatuan Ibu Bapa sekurang-kurangnya sekali setahun	3.58	1.108

Berdasarkan Jadual 1.0 di atas, secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS berada pada tahap memuaskan. Berdasarkan item satu, tahap kepuasan ibu bapa terhadap penyediaan takwim lengkap oleh pihak pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS sebagai makluman kepada mereka adalah 4.29. Bagi penyediaan visi, misi dan carta organisasi yang lengkap sebagai makluman kepada ibu bapa pula memperoleh min 3.81.

Bagi item penjagaan kebajikan dan keselamatan murid semasa berada di KAFA Masjid KUIPSAS oleh pihak pengurusan, tahap kepuasan ibu bapa adalah 4.37. Tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan dari aspek kemudahan untuk berurusan dengan guru dan pentadbir sekolah didapati berada pada tahap 4.54. Bagi item menjaga kerahsiaan maklumat peribadi murid dan waris/penjaga pula iaitu enam dan tujuh, tahap kepuasan terhadap aspek ini adalah 4.48 dan 4.35. Seterusnya, bagi aspek pengurusan ini, terdapat satu item yang mempunyai nilai min yang paling rendah iaitu 3.58, tahap kepuasan ibu bapa ini didapati berada di tahap sederhana terhadap bilangan pelaksanaan mesyuarat persatuan ibu bapa di mana pihak pengurusan hanya mengadakan mesyuarat persatuan sekurang-kurangnya sekali setahun. Secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS adalah Min = 4.20.

ii) Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Yuran Pengajian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

Jadual 2.0: Analisis Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Yuran Pengajian KAFA Masjid KUIPSAS

Item	Pernyataan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
10	Kaedah pembayaran yuran yang mudah dan fleksibel	4.67	.519
11	Yuran yang dikenakan adalah berpatutan	4.79	.459

Tahap kepuasan ibu bapa terhadap yuran pengajian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain turut dinilai dalam kajian ini. Pengkaji mengemukakan dua soalan pada item 10 dan 11. Pada item 10, tahap kepuasan ibu bapa terhadap kaedah pembayaran yuran yang mudah dan fleksibel dikenal pasti iaitu pada tahap 4.67 manakala item 11 pula melihat kepada tahap kepuasan ibu bapa terhadap yuran yang dikenakan adalah berpatutan, pengkaji mendapati item ini mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 4.79. Secara keseluruhan bagi yuran pengajian, ibu bapa berpuas hati dengan yuran yang dikenakan terhadap pengajian anak mereka di KAFA serta kaedah pembayaran yuran yang dilaksanakan adalah mudah dan fleksibel. Secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap yuran pengajian KAFA Masjid KUIPSAS adalah Min = 4.73.

iii) Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Persekitaran dan Ruang Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

Seterusnya, untuk menjawab objektif yang ketiga iaitu pengkaji ingin mengenalpasti tahap kepuasan ibu bapa terhadap persekitaran dan ruang Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA), terdapat empat item bagi mengenalpasti objektif ini.

Jadual 3.0: Analisis Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Persekitaran dan Ruang KAFA Masjid KUIPSAS

Item	Pernyataan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
8	Kawasan dalam sekolah dilabel sebagai makluman kepada murid dan ibu bapa	4.27	.707
23	Kemudahan asas bilik darjah dan infrastruktur adalah mencukupi	4.15	.825

25	Tempat rehat sekolah yang selesa dan selamat	3.90	.928
27	Kelas ceria, kemas dan selamat	4.17	.724

Item 8 yang berkaitan dengan label kawasan dalam sekolah sebagai makluman kepada murid dan ibu bapa, pengkaji mendapati bahawa tahap kepuasan ibu bapa terhadap item ini adalah 4.27. Seterusnya bagi item 23 iaitu kemudahan asas bilik darjah dan infrastruktur, tahap kepuasan ibu bapa adalah 4.15. Item seterusnya adalah berkaitan dengan tempat rehat sekolah yang selesa dan selamat, tahap kepuasan ibu bapa terhadap persekitaran dan ruang ini adalah 3.90. Item terakhir bagi persekitaran dan ruang iaitu kelas ceria, kemas dan selamat, tahap kepuasan ibu bapa adalah pada nilai min 4.17. Berdasarkan nilai min berikut, didapati bahawa tahap kepuasan ibu bapa terhadap persekitaran dan ruang di Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) adalah memuaskan dari sudut keselesaan dan keselamatan anak-anak mereka apabila berada di persekitaran dan ruang KAFA. Walaubagaimanapun, pihak pengurusan hendaklah memastikan persekitaran dan ruang seperti tempat rehat yang disediakan kepada murid dalam keadaan selesa dan selamat agar tahap kepuasan ibu bapa berada di tahap yang paling tinggi. Hal ini kerana ianya akan lebih meyakinkan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke KAFA ini. Secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap persekitaran dan ruang KAFA Masjid KUIPSAS adalah Min = 4.12

iv) Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kemudahan dan Kelengkapan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

Jadual 4.0: Analisis Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kemudahan dan Kelengkapan KAFA Masjid KUIPSAS

Item	Pernyataan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
9	Surat berkaitan majlis-majlis/ program/ aktiviti/ kelas disebarkan melalui pelbagai medium (Bertulis dan aplikasi <i>whatsapp</i>)	4.67	.519
13	Jadual waktu disebarkan kepada ibu bapa dan murid	4.81	.394
14	Bahan kurikulum yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dimaklumkan kepada ibu bapa	4.04	.849
15	Maklumat pencapaian murid dilaporkan kepada ibu bapa dari masa ke masa	4.00	.923
24	Masa rehat yang diperuntukkan adalah bersesuaian	4.29	.617
26	Pihak sekolah menyediakan peralatan asas rawatan kecemasan	3.94	.836

Tahap kepuasan ibu bapa bagi item medium sebaran makluman berkaitan majlis/program/aktiviti/kelas secara bertulis dan menerusi aplikasi atas talian iaitu *Whatsapp* didapati sebanyak 4.67. Ini menunjukkan ibu bapa berpuas hati dengan medium sebaran yang dilakukan oleh pihak pengurusan. Selain itu, tahap kepuasan ibu bapa terhadap penyebaran jadual waktu yang kepada ibu bapa dan kanak-kanak adalah 4.81. Nilai min ini menunjukkan penyebaran jadual waktu adalah efisien dan pihak ibu bapa sangat berpuas hati. Bahan kurikulum yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan maklumat pencapaian murid turut dimaklumkan kepada ibu bapa. Berdasarkan item tersebut, tahap kepuasan ibu bapa terhadap pemakluman bahan kurikulum adalah 4.04 dan pelaporan maklumat pencapaian murid adalah 4.00.

Melalui nilai-nilai ini, pihak pengurusan perlulah memastikan item pemakluman bahan serta maklumat pencapaian murid sentiasa dimaklumkan dari semasa ke semasa agar tahap kepuasan ibu bapa berada di tahap sangat berpuas hati. Seterusnya, bagi kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan, pengkaji mengenalpasti tahap kepuasan ibu bapa menerusi item masa rehat yang diperuntukkan kepada anak-anak mereka adalah bersesuaian iaitu nilai min 4.29 dan item pihak sekolah menyediakan peralatan asas rawatan kecemasan adalah 3.94. Namun begitu, berdasarkan nilai min bagi item penyediaan peralatan asas oleh pihak pengurusan adalah kurang memuaskan. Oleh itu, pihak pengurusan perlulah memandang serius akan tahap kepuasan ini dalam memastikan apabila berlakunya kemalangan atau kecederaan, peralatan asas rawatan kecemasan adalah tersedia dan boleh digunakan. Secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap kemudahan dan kelengkapan KAFA Masjid KUIPSAS adalah Min = 4.29.

v) Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kualiti Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

Jadual 5.0: Analisis Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kualiti Guru KAFA Masjid KUIPSAS

Item	Pernyataan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
3	Jumlah guru adalah mencukupi dengan jumlah murid	4.08	.739
16	Guru memberi bimbingan dan kaunseling kepada murid	4.02	.785
17	Anak saya didedahkan dengan aktiviti yang merangsang potensi anak dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek	4.25	.700

Hasil analisis tahap kepuasan ibu bapa Pihak ibu bapa menunjukkan tahap kepuasan terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS dari sudut jumlah guru dengan jumlah murid yang mencukupi adalah sebanyak 4.08. Apabila bilangan guru mencukupi dengan bilangan murid, kualiti pengajaran dan pembelajaran guru adalah terjamin. Bagi item guru memberi bimbingan dan kaunseling kepada murid, tahap kepuasan ibu bapa hanyalah pada nilai min 4.02. Selain itu, tahap kepuasan ibu bapa terhadap pendedahan aktiviti yang merangsang potensi anak mereka dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek pula adalah 4.25. Secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap kualiti guru KAFA Masjid KUIPSAS adalah Min = 4.11.

vi) Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kemenjadian Murid Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

Jadual 6.0: Analisis Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kemenjadian Murid KAFA Masjid KUIPSAS

Item	Pernyataan	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
18	Anak saya dapat mengamalkan ilmu dan kemahiran yang dipelajari semasa di sekolah dalam kehidupan seharian	4.35	.601
19	Pencapaian murid KAFA Masjid KUIPSAS membanggakan	4.44	.542
20	Anak saya boleh membaca al-Quran dengan baik selepas mengikuti kelas KAFA	4.33	.595
21	Anak saya menunjukkan sahsiah yang terpuji semasa di rumah	4.31	.512
22	Pihak sekolah mengadakan majlis/pertandingan/sambutan yang bersesuaian dengan keperluan murid dan kurikulum KAFA	4.35	.526

Nilai min ibu bapa menyatakan tahap kepuasan mereka terhadap anak mereka dapat mengamalkan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dalam kehidupan seharian mereka adalah tinggi iaitu 4.35. Selain itu, tahap kepuasan ibu bapa terhadap kebolehan anak mereka membaca al-Quran dengan baik selepas mengikuti kelas KAFA adalah tinggi iaitu nilai min 4.33. Bagi item anak menunjukkan sahsiah terpuji semasa berada di rumah pula, tahap kepuasan ibu bapa adalah 4.31. Ini menunjukkan bahawa ibu bapa berpuas hati dengan hasil pengajaran guru terhadap anak mereka kerana anak mereka dapat mengamalkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi melalui KAFA dalam kehidupan seharian. Malah tahap kepuasan ibu bapa terhadap pencapaian murid KAFA Masjid KUIPSAS juga adalah tinggi iaitu 4.44. Selain itu, tahap kepuasan ibu bapa terhadap item pihak sekolah mengadakan majlis/pertandingan/sambutan yang bersesuaian dengan keperluan murid dan kurikulum KAFA adalah 4.35. Secara keseluruhan tahap kepuasan ibu bapa terhadap kemenjadian murid KAFA Masjid KUIPSAS adalah Min = 4.35.

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) yang merangkumi pihak pengurusan, yuran pengajian, persekitaran ruang KAFA, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru serta kemenjadian murid di KAFA Masjid Kuipsas adalah 4.30.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS. Hal ini dapat dilihat melalui skala Likert lima mata, nilai min tahap kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA Masjid KUIPSAS secara menyeluruh adalah 4.30. Ini bermakna kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak mereka ke KAFA Masjid KUIPSAS berpuas hati terhadap pengurusan KAFA dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap pengurusan KAFA dalam memberikan perkhidmatan pendidikan KAFA kepada anak-anak mereka. Hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kajian Ruizaimah et al. (2017) berkaitan permasalahan dalam pelaksanaan program KAFA meliputi aspek pengurusan, penyediaan kelas yang tidak sistematik, ketiadaan bilik operasi yang khusus, masalah pengajaran, masalah disiplin murid dan penerimaan elaun KAFA yang tidak mencukupi perlu dilihat semula.

Berdasarkan 27 item yang diberikan kepada ibu bapa untuk dijawab, kesemua item didapati mendapat nilai min yang tinggi iaitu 4.00 ke atas. Walaubagaimanapun terdapat empat item yang didapati memperoleh min bawah daripada nilai 4.00. Item penyediaan visi, misi dan carta organisasi yang lengkap sebagai makluman kepada ibu bapa memperoleh min 3.81. Empat item tersebut adalah bilangan pelaksanaan mesyuarat persatuan ibu bapa di mana pihak pengurusan hanya mengadakan mesyuarat persatuan sekurang-kurangnya sekali setahun adalah 3.58, tempat rehat sekolah yang selesa dan selamat iaitu 3.90 dan item pihak sekolah menyediakan peralatan asas rawatan kecemasan adalah 3.94. Walaupun nilai min empat item masih lagi tinggi namun ianya perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan agar dapat memastikan pihak ibu bapa berpuas hati terhadap item-item tersebut.

Melalui kajian ini, terdapat beberapa cadangan telah dibuat untuk pihak yang berkenaan dan penyelidikan akan datang. Cadangan yang dikemukakan penting untuk pihak berkenaan meningkatkan lagi kualiti pengurusan KAFA. Antara cadangan yang dinyatakan adalah pihak pengurusan tertinggi perlulah melakukan pemantauan secara berterusan terhadap pengurusan KAFA di setiap cawangan agar kualiti pengurusan dan pendidikan KAFA memenuhi piawaiannya. Proses pemantauan ini hendaklah meliputi kepuasan dan cadangan oleh pihak ibu bapa terhadap pengurusan dan pendidikan KAFA yang ditawarkan. Melalui maklumat ini, pihak berkenaan boleh merancang dan melaksanakan sesuatu program bagi bertujuan mengekalkan penyediaan perkhidmatan pendidikan KAFA yang berkualiti. Malah melalui maklumat ini juga, pihak berkenaan dapat memperuntukkan dana untuk KAFA dengan lebih banyak dan paling penting meningkatkan infrastruktur persekitaran kelas KAFA.

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak ke KAFA Masjid KUIPSAS berpuas hati terhadap pengurusan KAFA. Walaubagaimanapun, pihak pengurusan tidak boleh sentiasa berasa senang dengan tahap kepuasan ibu bapa ini kerana sebahagian besarnya melibatkan pihak pengurusan sendiri, yuran pengajian, persekitaran ruang KAFA, kemudahan dan kelengkapan, kualiti guru dan kemenjadian murid. Bagi mengekalkan tahap kepuasan ini, pihak pengurusan perlu mempertingkatkan lagi cara mengurus, menaiktaraf persekitaran, kemudahan seperti ruang rehat dan kelengkapan lain agar berada dalam keadaan selesa dan selamat. Guru juga perlu diberi motivasi seperti menyediakan seminar dan bengkel yang sesuai dihadiri oleh guru agar kualiti guru sentiasa dalam keadaan terbaik.

Seterusnya, kajian ini adalah terhad kepada KAFA Masjid KUIPSAS sahaja. Bagi menggeneralisasikan hasil dapatan kajian, pengkaji perlu meluaskan saiz sampel iaitu dengan melibatkan ibu bapa di setiap daerah di Pahang agar dapat memberikan gambaran yang lebih luas tentang kepuasan ibu bapa terhadap pengurusan KAFA. Selain itu, kajian ini hanya bertumpu kepada ibu bapa, maka untuk kajian akan datang, pengkaji mencadangkan agar mendapatkan maklumat tentang kepuasan murid terhadap pengurusan KAFA serta kualiti pendidikan KAFA yang diterima oleh mereka. Hal ini kerana, kanak-kanak merupakan sampel sebenar yang berada di lapangan dan berkait dengan diri mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya meneroka pandangan ibu bapa mempunyai pelbagai latar belakang seperti yang dianjurkan oleh Azizi et al. (2013). Penilaian tahap kepuasan ibu bapa atau penjaga ini amat penting sebagai asas kualiti dan keberkesanan sesebuah institusi pendidikan. Pihak pentadbir dan pengurusan sekolah mengambil kira keperluan ibu bapa atau penjaga dan juga murid dari segi pengurusan organisasi, perancangan, kemudahan asas, kewangan, penyampaian maklumat dan kemenjadian murid. Pentadbir juga harus peka terhadap harapan ibu bapa/ penjaga supaya sistem pengurusan sesebuah institusi pendidikan itu dapat diurus dengan baik dan berkesan. Justeru, kajian ini sangat relevan bagi mendapatkan impak positif kepada sekolah secara berterusan dan menyeluruh.

Berdasarkan kajian ini, dapatan kajian yang melihat kepada tahap kepuasan ibu bapa atau penjaga terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran dapat membantu pihak pengurusan KAFA terutamanya KAFA Masjid KUIPSAS dalam menambahbaik sistem pengurusan sedia ada. Selain itu, hasil dapatan ini juga diharap dapat membantu pihak berkaitan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) secara amnya dan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) khususnya di Bahagian Pendidikan dalam usaha menambahbaik sistem pendidikan KAFA sedia ada sejajar sebaris dengan sistem pendidikan aliran perdana pada masa kini.

RUJUKAN

- Abdul Hadi, A. Z. S., Abd Latif, M. A. N., & Abdul Rahman, M. H. (2018). Visualisasi Maklumat Berkomputer Dalam Memperkasakan Pengajaran Kelas Agama Dan Fardhu Ain (KAFA) Jakim Di Peringkat Sekolah Rendah. *Sains Humanika*, 10(3-4). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1541>
- Ahmad, A. N., & Mansor, A. N. (2013). *Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam terhadap pembentukan peribadi murid*. ReCSTeC 2013: Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character, Bangi, Selangor, Malaysia. Diperoleh daripada <http://www.pmm.edu.my/index.php/unit/penyelidikan-inovasi-dan-komersil-upik/sistem-repository/Data-Penulisan-Pensyarah-PMM/Penulisan-Tahun-2015>
- Aisyah, M. (2018). Islamic Bank Service Quality. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah (Journal of Islamic Economics)*, 10(2), 367–388.
- Awang, M. I., Daud, Y., & Don, Y. (2016). Amalan pengajaran kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa) di Malaysia (Paper Presentation). ICEISR 2016: International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research, Banda Aceh, Aceh, Indonesia. Diperoleh daripada <http://amrass.org/iceisr-2016>
- Aymar, R., & Joseph, E. M. (2019). Customers satisfaction and brand loyalty at McDonalds Maroc. *African Journal of Marketing Management*, 11(3), 21–34. <https://doi.org/10.5897/ajmm2019.0599>
- Azizi Umar, Shaharuddin Pangilun, Ikmal Zaidi Hashim, Imran Kamal Basah, Mohd. Kamal Abdul Fattah Pardon (2016) Masalah Pengurusan Dan Keperluan Sekolah Agama Rakyat (SAR) / Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Persendirian Di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, 12, 136-161. KUIS: Pusat Perkembangan Penyelidikan.
- Bani Hidayat Mohd Shafie & Norhayati Fatmi Talib. (2018). *Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) JAKIM*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. 1: 12. 150-159.
- Don, Y., Daud, Y., Ghazali, M. I., & Mohamad Yusoff, Z. J. (2015). Kompetensi emosi dan kualiti guru pendidikan prasekolah di Malaysia. Sintok, Kedah: UUM Press.
- Hafizul rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail dan Fatimah Hamrie. (2016). *Kekuatan Pendidikan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Bahagian Betong Sarawak*. Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UITM: Malaysia.
- Hanif, N. A., Che Mustafa, M., & Yusof, H. (2020). Kebolegunaan Model Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah Berasaskan Empat Dimensi Pengurusan Bilik Darjah [the Usability of Preschool Classroom Management Model Based on Four Dimensions of Classroom Management]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 90–98. <https://doi.org/10.33306/mjssh/84>
- Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa. (2014). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Instrumen: Pengurusan KAFA*. Putrajaya: JAKIM.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Ling, A., Ya'kob, S. A., Yusoff, I. Y. M., & Bakar, N. A. A. (2019). Assessment of Predictors that Influence Parents' Satisfaction towards Private Kindergartens: A SERVQUAL Analysis. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 8(4), 1–14. <https://doi.org/10.6007/IJAREMS/v8-i4/6668>
- Muhammad Fuad Ishak, Ab. Halim Tamuri, Suhana Mohamed Lip, Sapie Sabilan, Zetty Norzuliana Rashed & Suziana Hanini Sulaiman. (2015). *Tahap Kepuasan Bekerja dari Aspek Hubungan Rakan Sekerja dalam Kalangan Guru-guru KAFA Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor*. International Seminar on Tarbiyah (ISoT 2015). 81-94.
- Mohd Nor, M. A., Mohd Nawawi, M. Z., & Muhamad, N. (2021). The Implementation of Al-Quran and Fardhu Ain (KAFA) Class Teacher Teaching Practices In Teaching Tajweed Al-Quran In Kedah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 11(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol11.1.4.2021>
- Norizan Ismail, Nor Kamillah Makhtar & Ishak Sin. (2017). Hubungan Amalan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) Terhadap Kepuasan Kerja Guru Di Sekolah Menengah Kluster Negeri Kelantan. Diambil pada 4 Januari 2022 di DOI:10.47252/teniat.v5i2.306.
- Nor Raudhah Siren, Azrin Ab. Majid & Siti Jamiyah Abdul Jalil. (2013). *Pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. UM: Kuala Lumpur.
- Robiah Sidin. (2003). *Teori Pentadbiran Pendidikan: Satu Pengenalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah. (2017). *Permasalahan Dalam Pelaksanaan Program Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (Kafa) Di Daerah Pendang Kedah*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. Volume; 2 Issue; 6 [December, 2017] pp. 70-82. www.jised.com.
- Salleh, H. M., Ali, A., Yip, N. M., & Afizul, A. N. (2021). Training Needs among KAFA Teachers: A Case Study in Selangor. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 200-207.
- Sezer, Ş., & Can, E. (2018). School Happiness: Parents' Opinion on Required Qualifications for School Happiness. *Educational Administration: Theory and Practice*, 24(1). <https://doi.org/10.14527/kuey.2018.005>
- Shafie, B. H. M., & Talib, N. H. F. (2016). Persepsi Guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 6(1), 86-97.
- Siren, N. R. H., Abdul Ghani Azmi, I., Abdul Jalil, S. J. B., & Ab Majid, A. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat Di Malaysia (Diversity of Community Religious School Management in Malaysia). *Journal of Al-Tamaddun*, 13(1), 45–56. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol13no1.5>
- Taib, A. H., & Hassan, H. (2019). Tahap Keyakinan Penjaga Terhadap Aktiviti Pembelajaran Dalam Membimbing Pelajar Untuk Melahirkan Generasi Al-Quran. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2, 20-25.
- Zaidatul Akmaliah & Lope Pihie. (2001). *Pentadbiran Pendidikan*. Selangor: Penerbit Fajar Sdn. Bhd.

Norfadelah Nordin
Jabatan Dakwah
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang
Email: norfadelah@unipsas.edu.my

Wan Nur Ainna Waheda Rozali
Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang
Email: waheda@unipsas.edu.my

Nurulafzan Sa'ari
Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang
Email: nurulafzan@edu.my

Syazwani Husin
Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 25150 Kuantan, Pahang
Email: syazwani@unipsas.edu.my